


RANCANGAN PERNIAGAAN
ETR 300

LAMAN PESONA ENTERPRISE
SENIREKA
BUASAN TAMAN DALAMAN

JUN – NOV 1999
DIPLOMA PERAKAUNAN

UNIVERSITY TEKNOLOGI MARA
KAMPUS MELAKA



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 16hb. Julai 1999
Surat Tuan:
Surat Kami: 100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963 06-5591067

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Perakaunan di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran ETR 300 Asas Keusahawanan

Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Haslynda bt. Muhammad Sam	97188660
2.	Suraidah bt. Senin	97129733
3.	Norrulhuda bt. Kulop Alang	97205153
4.	Suhaili bt. Rahmat	96560922
5.	Sazarina bt. Kamsani	96013912

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarikan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

AZIZAH DOLAH
Ketua Kursus DIA
ITM Melaka.
b/p Provos

Pelajar Semester 5 (Diploma Perakaunan),
Universiti Teknologi Mara,
Cawangan Melaka,
Km 26, Jalan Lendu,
78 000 Alor Gajah,
Melaka Bandaraya Bersejarah.

Puan Azizah Dollah,
Pensyarah Keusahawanan (ETR 300),
Universiti Teknologi Mara,
Cawangan Melaka,
Km 26, Jalan Lendu,
78 000 Alor Gajah,
Melaka Bandaraya Bersejarah.

Puan,

PENYERAHAN LAPORAN PROJEK KEUSAHAWANAN (ETR 300)

Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini kami sertakan laporan rancangan perniagaan projek senireka taman hiasan dalaman Laman Pesona Enterprise.

Kertas kerja ini merangkumi bidang-bidang penting termasuk objektif penubuhan, pengurusan, kewangan, pemasaran dan juga operasi. Di setiap bidang-bidang tersebut, terdapat juga keterangan dan huraian yang penting di dalam organisasi.

Segala kerjasama yang diberikan oleh pihak-pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung amatlah kami hargai.

Sekian terima kasih.

.....
(SAZARINA BINTI KAMSANI)

.....
(HASLYNDA BINTI MUHD SAM)

.....
(NORRULHUDA BINTI KULOP ALANG)

.....
(SUHAILI BINTI RAHMAT)

.....
(SURAIDAH BINTI SENIN)

PENGENALAN

Dalam era menuju negara industri di Malaysia, fenomena pembangunan perumahan, kilang-kilang, infrastruktur jalan raya dan juga lebuh raya adalah sesuatu yang sedang kita hadapi. Kawasan yang dahulunya ladang getah dan ladang kelapa sawit kini membangun menjadi hutan batu yang saujana mata memandang.

Lantaran itu, sudah pastinya ekologi alam sekitar berubah secara ketara. Suhu panas naik dengan mendadak. Lantas di sinilah wujudnya sebuah manifestasi, suatu ruang yang dapat kami kesan untuk kami bangunkan sebuah perniagaan Melayu. Menghijau dan menyejukkan suasana adalah produk perniagaan kami.

Maka tertubuhlah ;

Laman Pesona Enterprise

Dengan paduan enam tenaga iaitu modal, minda, semangat, pengalaman, kemahiran dan juga kelayakan, jadi kami satukan untuk membangunkan sebuah perniagaan yang berdaya maju. Berasaskan landskap yang mesra alam sekitar, maka sudah pastinya motto kami ;

"Untuk Kepuasan Pelanggan dan Keindahan Alam"